



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA

(Bagi Minggu 50/2017 dari 10 hingga 16 Disember 2017)

Pada minggu ke-50 tahun 2017, iaitu dari 10 Disember hingga 16 Disember 2017, sebanyak 985 kes Demam Denggi telah dilaporkan berbanding 950 kes pada minggu sebelumnya iaitu berlaku peningkatan sebanyak 35 kes (3.7%). Terdapat sembilan (9) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pulau Pinang, Johor, Perak, WPKL & Putrajaya, Negeri Sembilan, Pahang, Sarawak, Melaka dan Perlis. Hasil pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari Januari hingga 16 Disember 2017, jumlah kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 81,790 kes iaitu penurunan sebanyak 16.9% (16,648 kes) berbanding tempoh yang sama tahun 2016 yang telah dilaporkan sebanyak 98,438 kes.

Terdapat satu (1) kematian yang dilaporkan pada minggu ke-50 dan ini menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi di Malaysia dari Januari sehingga 16 Disember 2017 adalah sebanyak 170 kematian berbanding 230 kematian pada tahun 2016 iaitu pengurangan sebanyak 60 kematian (26.1%).

Pada minggu ke-50, terdapat hanya 17 lokaliti hotspot iaitu di Selangor (10 lokaliti), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (3 lokaliti), Pulau Pinang (2 lokaliti), Perak (1 lokaliti) dan Johor (1 lokaliti).

Selain itu, untuk tempoh masa yang sama, tiada kes Chikungunya dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari 1 Januari hingga 16 Disember 2017 kekal sebanyak 269 kes. Manakala bagi pemantauan virus Zika

sehingga Minggu ke-50 ke atas 2,199 sampel darah dan 33 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mendapati keputusan adalah semuanya negatif.

Berdasarkan tren Demam Denggi pada tahun-tahun sebelumnya, akan berlaku peningkatan kes pada akhir tahun dan kemudian akan memuncak pada awal tahun berikutnya. Di samping itu, analisa oleh KKM menunjukkan pada bulan Disember terdapat perubahan serotaip Denggi dari DEN-3 kepada DEN-2. Ini boleh menyebabkan peningkatan kes dan kematian denggi beberapa bulan kemudian. Tindakan pencegahan dengan pembersihan tempat-tempat pembiakan Aedes oleh masyarakat di semua peringkat perlu dilaksanakan bermula Januari tahun 2018. Tambahan lagi dengan faktor perubahan cuaca semasa musim monsun dan pergerakan manusia besar-besaran semasa cuti perayaan akan menyumbang lagi kepada transmisi penyakit Demam Denggi. Pihak masyarakat perlu menjalankan aktiviti cari dan musnah di kediaman masing-masing sekurang-kurangnya sekali pada setiap minggu. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

26 Disember 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 50/2017
(10 Disember hingga 16 Disember 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 50/2017		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 50/2016	
		Minggu 50 10 Dis – 16 Dis 2017)		Minggu 49 (3 Dis – 9 Dis 2017)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	1	0	0	0	175	0	179	3
2	Kedah	9	0	14	0	1,395	5	957	4
3	P. Pinang	70	0	57	0	2,568	13	2,498	12
4	Perak	55	0	44	1	5,320	12	3,623	10
5	Selangor	459	1	466	0	44,196	64	50,157	77
6	WP KL & Putrajaya	91	0	81	0	8,180	19	8,421	21
7	N. Sembilan	28	0	20	0	3,016	11	2,731	24
8	Melaka	19	0	18	0	1,404	1	2,216	7
9	Johor	129	0	116	0	7,680	24	10,457	22
10	Pahang	23	0	16	0	1,654	6	2,955	10
11	Terengganu	3	0	3	0	284	1	1,991	20
12	Kelantan	15	0	18	0	2,488	2	5,993	11
13	Sarawak	10	0	4	0	930	4	2,688	7
14	Sabah	72	2	91	2	2,410	8	3,559	2
15	WP Labuan	1	0	2	0	90	0	13	0
	MALAYSIA	985	1	950	1	81,790	170	98,438	230

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 16 DISEMBER 2017 (Mg 50)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	9	53
2	SELANGOR	Hulu Selangor	Kg Seri Serendah	21	50
3	SELANGOR	Petaling	KD PJU 5 Seksyen 7 : Teres	14	45
4	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan SP4, BSP	6	44
5	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan BB2, Taman Banting Baru	13	42
6	JOHOR	Johor Bahru	Forest City_Tyoc Plot 4	13	41
7	SELANGOR	Hulu Langat	De Casa Condo Bandar Baru Ampang	10	40
8	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo	9	39
9	WPKL	Titiwangsa	Setapak Ria Condo	9	39
10	P PINANG	Barat Daya	Flat Bukit Gedong	7	34
11	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2, 6/4, 6/6, 6/8 & 6/10 Pandan Perdana	6	34
12	WPKL	Cheras	Tmn Midah (Prima Midah Height)	17	34
13	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Batu Caves	4	33
14	SELANGOR	Klang	T.S.A (Jln Seri Banang 14)	12	33

15	P PINANG	Timur Laut	Tmn Terubong Indah	9	32
16	SELANGOR	Gombak	Kg Gombak Kuang	4	32
17	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	5	31